

BIDANG : AL-QURAN (TINGKATAN 4)
PELAJARAN 4 : LARANGAN RASUAH

Firman Allah SWT :

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبُطْلِ وَتُدْخِلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِيَأْكُلُوا مِنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ١٨٨

(Surah al-Baqarah, 2: ayat 188)

Ayat di atas menerangkan larangan mengambil harta orang lain dengan jalan yang salah.
Berdasarkan ayat di atas :

SOALAN

1	Terangkan dua pengajaran yang dapat diambil daripada ayat di atas.(4 markah)
2	Terangkan dua kesan mengamalkan rasuah kepada individu. (4 markah)
3	Dewasa ini,banyak kes kesalahan rasuah yang melibatkan anggota Polis,Kastam dan SPRM telah dilaporkan.Bincangkan kesan yang akan berlaku sekiranya amalan ini tidak dibendung secara serius.(4 markah)

BIDANG : AL-QURAN (TINGKATAN 4)
PELAJARAN 5 : MEMAHAMI SUNNATULLAH

Firman Allah SWT :	
قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ۚ ۱۳۷ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ۚ ۱۳۸ وَلَا تَحْزَنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ۚ ۱۳۹ (Surah Ali Imran, 3: ayat 137-139)	
Ayat di atas menerangkan tentang sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah terhadap semua makhluk. Berdasarkan ayat di atas :	
SOALAN	
1	Terangkan kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu. (2 markah) (BT,TING.4, MS.36)
2	Terangkan dua kesan memahami Sunnatullah (4 markah). (BT,TING.4, MS.36)

3

Teori Darwin mengatakan bahawa kejadian makhluk adalah berasal daripada spesies beruk

Bincangkan pernyataan di atas dengan menghubungkaitkan dengan konsep Sunnatullah.
(4 markah) (BT,TING.4, MS.36)

4

Perbuatan menukar jantina dilihat semakin berleluasa di kalangan orang Islam dan seolah-olah golongan ini tidak takut dengan hukuman Allah dan tidak mahu menerima ketetapan Allah terhadap mereka.

Berdasarkan pernyataan tersebut, huraikan mengapakah keadaan tersebut semakin berleluasa di kalangan masyarakat Islam. (4 markah).

BIDANG : AL-QURAN (TINGKATAN 4)
PELAJARAN 6 : LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA

Firman Allah SWT :

وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَهَوًّا وَعَرَّتْهُمْ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكِّرْ بِهِ أَن تُبْسَلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعْدِلْ كُلُّ عَدْلٍ لَا يُؤْخَذُ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا هُمْ شَرَابٌ مِنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ٧٠

(Surah al-An'am, 6: ayat 70)

Ayat di atas menerangkan tentang larangan Allah terhadap perbuatan yang mempersendakan agama.

Berdasarkan ayat di atas :

SOALAN

- | | |
|---|---|
| 1 | Terangkan dua pengajaran ayat di atas (4 markah) (BT,TING.4, MS.42) |
| | <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> |
| 2 | Terangkan faktor masyarakat berani melakukan perbuatan mempersendakan agama (2 markah). |
| | <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> |

3

Terdapat sebilangan wanita Islam yang hanya memakai tudung dan pakaian yang menutup aurat apabila menghadiri aktiviti agama sahaja. Setelah itu mereka akan kembali berpakaian mendedahkan aurat.

Berdasarkan situasi di atas, bincangkan tentang tindakan tersebut pada pandangan agama Islam. (4 markah).
